

11 SEP 1997

Mahathir-Ringggit

MALAYSIA USAHA KEKALKAN KESTABILAN RINGGIT, KATA DR M

Oleh: Zulkefli Salleh

ULAN BATOR, 11 Sept (Bernama) -- Kerajaan Malaysia akan memastikan kestabilan ringgit akan dikekalkan walaupun telah susut nilai sebanyak kira-kira 20 peratus berbanding dolar Amerika sejak kejatuhan nilai matawang baru-baru ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini.

Pada masa yang sama, kerajaan akan juga cuba mengambil kesempatan daripada kejatuhan mendadak ringgit berbanding dolar Amerika untuk faedahnya, beliau memberitahu persidangan akhbar bagi wartawan-wartawan antarabangsa dan Malaysia di sini pada akhir lawatan empat hari ke sini.

Ditanya oleh seorang wartawan asing mengenai faktor-faktor yang menyumbang kepada kejatuhan ringgit berbanding dolar dan bagaimana kerajaan Malaysia menangani krisis itu, Dr Mahathir berkata, "kami agak lemah untuk melindungi diri kami sendiri terhadap manipulator yang kaya tetapi mahu membuat keuntungan daripada rakyat miskin."

Kepada satu soalan daripada seorang wartawan Mongolia, beliau bagaimanapun menyatakan kesusutan nilai ringgit mungkin menjejaskan sedikit pelaburan negara di seberang laut, khususnya di Mongolia, tetapi beliau menambah bahawa kerajaan Malaysia akan dapat mengatasinya.

Dr Mahathir menjelaskan bahawa tiada hubungan langsung antara apa yang berlaku di Thailand dan apa yang berlaku di Malaysia kerana asas-asas ekonomi Malaysia adalah baik.

"Adalah sukar bagi kerajaan mempertahankan ringgit apabila manipulator matawang yang kaya mahu mencari keuntungan daripada rakyat miskin," kata Dr Mahathir yang berulang kali menyalahkan pemodal Amerika George Soros kerana serangan itu.

Katanya tiada sebab bagi kesusutan nilai ringgit yang mendadak berbanding dolar Amerika memandangkan asas-asas ekonomi negara yang kukuh. "Malangnya peniaga-peniaga matawang, terutamanya yang besar-besar, telah memutuskan untuk menjual ringgit dan berikutnya mereka berharap membuat keuntungan."

Pada 2 Julai, keputusan Thailand untuk mengapungkan baht bagi membolehkan matawang itu ditentukan oleh kuasa pasaran dalam usaha meningkatkan ekonomi mengejutkan seluruh pasaran saham dan matawang serantau dengan kebanyakan bank pusat Asia termasuk Bank Negara bertindak mempertahankan matawang mereka untuk mengimbangi sebarang kesan negatif.

Ringgit masih berlegar sekitar paras 2.90 setelah melepasi paras psikologi 3.000 minggu lalu. Hari ini ringgit ditutup pada 2.9345/95 berbanding dolar Amerika berbanding penutup semalam 2.9245/95, tetapi tidak sebelum mencecah paras paling tinggi hari ini 2.9130.

Dr Mahathir yang menyifatkan lawatan beliau sebagai berhasil, berkata bahawa ia adalah amat berguna dalam mengukuhkan hubungan baik di antara kedua-dua kerajaan Malaysia dan Mongolia.

Pada masa yang sama, lawatan yang telah membuka banyak peluang bagi rakyat Malaysia untuk menyertai di dalam aktiviti-aktiviti ekonomi Mongolia itu dijangka mempertingkatkan lagi hubungan dagangan dua hala mereka, katanya.

Antara lain, Malaysia boleh membeli cashmere dan daging lembu dari Mongolia dan mengeluarkannya di sini untuk eksport, katanya.

Barangan eksport yang berpotensi lain bagi Mongolia ialah arang batu dan galian lain, yang akan mengambil sedikit masa untuk membangun dan mengeksport tetapi Malaysia, katanya, bersedia mengkaji kemungkinan

mengeluarkannya untuk eksport.

Dr Mahathir berkata Malaysia juga menawarkan untuk menyertai dalam pembangunan prasarana di Mongolia yang kini kekurangan. Misalnya, Mongolia mempunyai pengangkutan keretapi tetapi tidak cukup kerap untuk menyediakan bagi pengangkutan barangan.

Mengenai Perjanjian Perkhidmatan Udara yang ditanda tangani antara Malaysia dan Mongolia semasa lawatannya, Dr Mahathir berkata Penerbangan Malaysia (MAS) dan syarikat penerbangan Mongolia MIAT boleh mengendalikan penerbangan terus meliputi Beijing dan bandar raya lain apabila jumlah lalu lintas di antara kedua-dua negara meningkat.

Beliau juga berharap perundingan mengenai perjanjian perkongsian kod di antara kedua-dua syarikat penerbangan akan dicapai tidak lama lagi.

Dr Mahathir juga berkata beliau telah berbincang dengan beberapa peniaga Malaysia dalam rombongan itu mengenai kemungkinan usaha sama Malaysia-Mongolia membangunkan sebuah bandar baru di sini.

Ditanya mengenai pandangannya mengenai pemimpin agung Mongolia, Genghis Khan yang memerintah dalam kurun ke-13, Dr Mahathir berkata beliau adalah antara wira agung yang memberi ilham kepada beliau dan yang telah menunjukkan bahawa malahan orang berpindah-randah yang mundur boleh bersatu dan mengujudkan sebuah negara besar, yang meliputi hampir dua pertiga dunia. -- BERNAMA

ZKS OS MA